

17 MAR 1997

PM LANCAR BANDAR MEC BERHARGA RM4 BILION DI GAMBANG

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Bandar MEC, sebuah perbandaran bersepadu yang akan menerajui penceburan Malaysia ke dalam industri perkakas elektrik global, dilancarkan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Projek RM4 bilion itu, yang meliputi tanah seluas 1,200 hektar yang akan menempatkan kilang-kilang pengeluaran bagi barangan elektrik jenama Malaysia sendiri, adalah ilham daripada perdana menteri sendiri.

Lebih 20,000 orang yang menghadiri acara itu hari ini, turut menyaksikan pelancaran MEC, iaitu konsep dan jenama bagi barangan elektrik buatan Malaysia.

Turut hadir ialah beberapa orang menteri kabinet dan timbalan menteri.

Terletak di Gambang dekat Kuantan, Bandar MEC boleh dihubungi ke Kuantan, pelabuhan dan lapangan terbang melalui lebuh raya Kuala-Lumpur-Kuantan Pantai Timur yang sedia ada.

Bandar itu dimiliki oleh Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC), sebuah anak syarikat 60 peratus Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd (KLIH) dan 30 peratus anak syarikat Khazanah Nasional Bhd, cawangan pelaburan kerajaan.

Projek laluan cepat yang dijangka siap sepenuhnya dalam masa 10 tahun, Bandar MEC akan dimajukan sekitar empat komponen utama: Bandar City, Taman Perusahaan MEC, Pusat Kediaman MEC dan Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Latihan MEC.

Komponen Bandar MEC akan menempatkan blok pentadbiran utama dan beberapa kilang pengeluaran barangan, manakala Taman Perusahaan MEC akan menjadi tempat beberapa industri sokongan kecil dan sederhana untuk mengadakan alat-alat ganti dan komponen kepada kilang MEC.

Projek itu dirancang untuk mengisi penduduk seramai 100,000 orang melalui Pusat Kediaman MEC yang akan mengadakan kemudahan-kemudahan rekreasi.

Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Latihan MEC, yang terdiri daripada sekolah-sekolah latihan berkaitan, institut-institut dan pusat bagi penyelidikan dan pembangunan juga akan ditempatkan di bandar itu.

MEC Industrial Park Sdn Bhd, pemaju projek bagi Bandar MEC baru-baru ini telah menyiapkan kilang penyaman udara dan peti sejuk MEC dalam tempoh singkat tiga bulan.

Perkakas-perkakas elektrik keluaran MEC termasuk peti sejuk bebas CFC (kloro-floro-karbon), penyaman udara, periuk nasi dan periuk tekanan, peti televisyen dan kelengkapan Hi-fi.

MEC kini mengusahakan tiga kilang di Kuala Lumpur, Klang dan Pulau Pinang.

-- BERNAMA

AD OS/sia